

Checklist Kahwin

Bagi perkahwinan yang sah dalam Islam, syarat-syarat tertentu yang mesti dipenuhi. Antaranya termasuk:

1. Anda mesti layak untuk berkahwin.

(iaitu bebas daripada sebarang halangan undang-undang untuk berkahwin satu sama lain, dari segi hubungan atau sesusuan. Contoh. Kalau anda adalah lelaki, anda tidak boleh berkahwin dengan emak anda, adik beradik perempuan anda, anak perempuan anda, dan lain-lain)

2. Pengantin anda mesti sanggup berkahwin dengan anda.

(pengantin mesti bersetuju dengan perkahwinan, bukan kawin paksa)

3. Pengantin perempuan mesti mempunyai Wali.

Biasanya ayah pengantin perempuan akan menjadi Wali. Tapi jika ayah tiada, datuk, abang, bapa saudara pengantin perempuan pun boleh. Yang penting mesti ada nasab dengan pengantin perempuan

4. Mesti ada dua orang saksi

(untuk menghadiri akad nikah)

5. Sahkan Mahr (Mas kahwin).

mas kahwin amat penting untuk diberikan daripada pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Selain daripada duit hantaran, mas kahwin adalah sesuatu yang wajib. Ia boleh terdiri daripada apa-apa barang saja termasuk barang kemas atau hafalan ayat suci Al Quran. Tiada siapa yang boleh mengambil barangan hantaran tu tanpa izin pengantin perempuan.

Selepas semua perkara atas dah siap sedia, bolehlah anda berkahwin sekarang!

NOTA: Ingat, bila merancangkan perkahwinan, janganlah membazir dan Cuma membelanja mengikut dengan bajet yang disediakan.

Perkara Yang Perlu Dilakukan	Semakan	Tick sekepas lengkap
PERTAMA: Akad Nikah		
1. Pastikan hari dan tarikh akad nikah.		
2. Mengemukakan permohonan untuk berkahwin melalui ROMM. Permohonan boleh dibuat seawal 150 hari (5 bulan) tetapi tidak kurang daripada 9 hari dari tarikh akad nikah. (Hanya permohonan online akan diterima. Bayaran yang perlu dibayar lebih kurang RM80).		
3. Setelah berjaya mengemukakan permohonan anda untuk perkahwinan dan sekurang-kurangnya 5 minggu sebelum tarikh akad nikah itu, lapor kepada ROMM untuk pengesahan dokumen dan akuan berkanun (pengantin lelaki, pengantin perempuan dan Wali akan hadir).		
4. Satu minggu sebelum akad nikah hari, mengesahkan tempahan dengan Kadi / Naib Kadi.		
5. Pada hari perkahwinan anda, pengantin lelaki, pengantin perempuan, Wali dan 2 orang saksi (dengan NRICs/pasport yang sah) perlu hadir. Bawa bersama sijil kursus perkahwinan anda dan cetakan pendaftaran ROMM. Jangan lupa juga bawa bersama resit Mahr jika ia adalah item bahan.		
Mengesahkan Mahr		
Mengesahkan Wali and 2 orang saksi		
Menghadiri Kursus Pra Perkahwinan		
KEDUA: Perancangan Perkahwinan		
<i>Penyediaan senarai tetamu</i>		
<i>Cetakan Kad Kahwin</i>		
Beli Hadiah Perkahwinan:		
[Mas Kahwin] [Hantaran]		
[Item 3] [Item 7]		
[Item 4] [Item 8]		
[Item 5] [Item 9]		
[Item 6] [Item 10]		
Sewa/Pastikan yang berikut:		
<i>Gubahan untuk hadiah kahwin</i>		
<i>Tempat (6 bulan sebelum perkahwinan)</i>		
<i>Deco</i>		
<i>Katering</i>		
<i>Berkat</i>		
<i>Mak Andam</i>		
<i>Henna/Inai</i>		
<i>Jurufoto</i>		
<i>Videografi</i>		
<i>DJ</i>		
<i>Kompang</i>		
<i>Kanopi</i>		
<i>Lain-Lain</i>		

Jadual Bajet

	Item	Harga	Remarks
1	PELAMIN vendor's name package's name (if any) ♥ list down what they give in the package	RM XXXX add transportation – RM XXX deposit – RM XXXX TOTAL = RM XXXX	paid deposit RM XXXX on 1.1.14
2	DOORGIFT RESEPSI Paperbag ♥ vendor's name ♥ colors option (if any) Chupa Chups ♥ vendor's name ♥ XXX pieces Air kotak ♥ vendor's name ♥ XXX pieces Muffin / Choc Moist Cake / Biskut ♥ vendor's name ♥ XXX pieces	RM XXX x 1800 = RM1476 RM XXX x 300 = RM135 75 x RM XX.XX = RM XXX 1 kotak = XXXX / 24 = RM XXX RM XXX x 1800 = RM XXX TOTAL = RM XXX	
3	DEWAN NIKAH (NAMA DEWAN) (6.9.14)	RM XXX (1 jam)	paid on 1.1.14
4	CATERING NIKAH (6.9.14) nama catering ♥ list down menu	RM X /pax x 80 = RM XXX Khemah X set = RM XXX TOTAL = RM XXXX	
5	DEWAN SANDING (7.9.14) ♥ nama dewan	RM XXXX ♥ Kerusi XX buah ♥ Meja XX buah ♥ Sarung & reben utk XX buah kerusi ♥ Meja buffet X set ♥ Red carpet ♥ FOC : PA System RELA = RM XXX TOTAL = RM XXXX	paid deposit on 1.1.14
6	CATERING SANDING (7.9.14) vendor's name	RM XX per pax x 1800 = RM	

	♥ list down menu	XXXX TOTAL = RM XXXX	
7	VIDEOGRAPHY vendor's name package's name ♥ list down what they give in the package	RM XXXX	
8	KAD KAHWIN vendor's name ♥ list down what they give in the package	RM XXX x 800 = RM XXX	
9	KOMPANG vendor's name	RM XXXX	
10			
1	PHOTOGRAPHY vendor's name package's name ♥ list down what they give in the package	RM XXXX	paid deposit on 1.1. 14
2	MAKE UP vendor's name ♥ Make up Nikah vendor's name ♥ Make up Sanding	RM XXX RM XXX TOTAL = RM XXXX	paid deposit on 1.1. 14 paid deposit on 1.1. 14
3	BAJU SANDING vendor's name	RM XXXX	paid deposit on 1.1. 14
4	BAJU NIKAH vendor's name	RM XXXX	paid on 1.1.14

Scheduler Perancangan Sampai Hari Perkahwinan

	MERISIK:	Semak
	Pihak lelaki yang ingin melamar dan merisik si gadis pilihan, mereka perlulah memastikan perkara-perkara berikut di bawa bersama. Antaranya ialah:	
1.	Cincin belah rotan. (cincin tanda)	
2.	Wang tanda (hantaran)	
3.	Baju sepasang atau kain	
4.	Buah-buahan	
5.	Kuih-muih	
	Menentukan siapakah yang akan menjadi wakil anda. (ibu bapa atau ibu bapa saudara)	
	Wakil pihak lelaki tersebut perlulah bertanya kepada ibu bapa si perempuan sama ada anak gadisnya itu telah mempunyai teman atau tidak.	
	Jika tidak, maka wakil pihak lelaki perlulah menyatakan hajat untuk melamar si gadis.	
	Jika ibu bapa si gadis telah bersetuju, maka cincin tanda dan lain-lain barang iringan seperti wang tanda, kain, buah-buahan dan kuih-muih diberikan.	
	Jika mereka menerima barang-barang yang diberikan, maka secara tidak langsung, si gadis telahpun bersetuju untuk melayari hidup bersama lelaki tersebut.	
	Wakil pihak lelaki berbincang tentang wang hantaran.	
	Menetapkan hari untuk melangsungkan majlis pertunangan.	
	PADA HARI PERTUNANGAN:	
1.	Cincin berlian	
2.	Sirih junjung	
	Lain-lain hantaran (separuh dari wang hantaran, sepasang baju, buah-buahan, kasut, kek, dan lain-lain) bergantung kepada apa yang telah anda rancangkan.	
	Wakil pihak lelaki (ibu atau ibu saudara) yang akan menyarungkan cincin kepada si gadis.	
	MALAM BERINAI:	
	Minta bantuan dari ahli keluarga dan sanak saudara untuk menginaikan anda.	
	Jika ingin mengenakan henna, pastikan anda telah menempah mereka yang pakar dalam hal sedemikian sebulan sebelum majlis malam berinai anda.	

Berikut adalah senarai semak untuk majlis perkahwinan atau persandingan. Sebaik sahaja kedua-dua belah keluarga telah menetapkan hari persandingan, maka perkara-perkara di bawah boleh dijadikan landasan dalam memastikan kelancaran majlis perkahwinan anda.

	BUTIRAN ACARA:	
	Tentukan Tarikh/Masa, Tempat Kahwin, Bilangan Tetamu, Warna Tema untuk: - Nikah - Resepsi - Bertandang	
	LAPAN – ENAM BULAN SEBELUM perkahwinan:	
	Bakal pengantin lelaki dan perempuan perlulah berbincang terlebih dahulu tentang beberapa perkara seperti berikut:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Berbincang hal-hal perkahwinan (adat perkahwinan) dengan ibu bapa dari kedua-dua belah pihak bakal pengantin.	
	Menentukan perbelanjaan yang akan dikeluarkan oleh kedua-dua belah pihak pengantin untuk majlis perkahwinan tersebut.	
	Menentukan konsep majlis perkahwinan (hantaran, pelamin, bilik tidur dan lain-lain hiasan) yang anda ingini. (Majlis di hotel atau taman.)	
	Rujuk direktori perkhidmatan perkahwinan (jurusolek, koleksi pakaian pengantin, bunga, kad jemputan perkahwinan dan lain-lain) di majalah, internet, buku atau melalui rakan-rakan yang telah berkahwin bagi mendapatkan gambaran awal.	
	Mengenalpasti baju pengantin serta tetapkan bilangan pakaian persalinan yang diinginkan. (bagi yang bertudung, pastikan anda memilih pakaian yang disediakan sekali dengan pakaiannya)	
	Tempah jurusolek/juruandam untuk majlis perkahwinan anda	
	Mencari rumah baru, sama ada sewa atau membelinya.	
	Kenalpasti Jabatan Agama Islam, Pejabat Agama Islam Daerah atau badan-badan Islam (swasta) yang berdekatan dengan kawasan anda, untuk mendaftar kursus pra perkahwinan.	
	Bagi pengantin lelaki:	
	Semak semula jumlah sebenar wang hantaran yang dikenakan, (jika berlaku perubahan pada wang hantaran yang telah ditetapkan pada hari pertunangan anda) dan lain-lain hantaran.	
	LIMA BULAN SEBELUM perkahwinan:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Menghadiri kursus pra perkahwinan di tempat dan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam, Pejabat Agama Islam Daerah atau badan-badan Islam swasta. (Sila klik di sini untuk alamat Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia)	
	Menempah tok kadi untuk majlis pernikahan anda. (Sila klik di sini untuk Senarai Kadi Seluruh Malaysia)	
	Menempah videografi atau jurufoto untuk merakamkan detik-detik indah majlis perkahwinan anda. •Membeli cincin kahwin. Tentukan sama ada anda ingin memasak sendiri atau menggunakan khidmat katerer. Jika ingin menggunakan khidmat katerer bincangkan menu hidangan untuk majlis anda, serta harga yang	

	ditawarkan.	
	Menyediakan senarai tetamu yang akan dijemput	
	Menempah sekumpulan pemuzik dan DJ (jika perlu)	
	Lakukan rawatan muka, badan dan rambut.	
	Jika ingin berbulan madu (dalam negara atau luar negara), tentukan tempat dan budget untuknya. Segerakan bayaran pendahuluan bagi mengelakkan tempat ditempah orang lain.	
	TIGA BULAN SEBELUM perkahwinan:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Memilih dan mencetak kad jemputan kahwin.	
	Mengesahkan tempahan di hotel atau taman termasuk jumlah meja dan kerusi, menu dan sebagainya.	
	Melakukan pemeriksaan kesihatan di klinik atau hospital.	
	Rawatan intensif muka, badan dan rambut.	
	Bagi pengantin lelaki:	
	Memaklumkan kepada saudara-mara tentang hari berlangsungnya majlis pernikahan anda.	
	Mengenalpasti beberapa orang (saudara mara atau jiran-jiran) yang akan menyertai rombongan pihak lelaki.	
	Bagi pengantin perempuan:	
	Kenalpasti dua orang saksi untuk majlis pernikahan anda.	
	Bagi wanita yang kematian bapa, sila pastikan siapa wali nikah anda. (sila klik di sini untuk Panduan Perkahwinan – 8. Wali Nikah) Jika anda tidak mempunyai wali nikah, sila dapatkan wali hakim, dari mana-mana Jabatan Agama Islam untuk menikahkan anda. (Sila klik di sini untuk alamat Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia)	
	DUA BULAN SEBELUM perkahwinan:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Membeli barang kemas	
	Tentukan pengapit anda, jika perlu carikan baju yang bersesuaian untuk pengapit anda.	
	Menghantar kad jemputan kepada para tetamu yang ingin dijemput. Merujuk kepada Jabatan Agama Islam dan Pejabat Islam Daerah untuk proses mendaftar pernikahan anda. (Sila klik di sini untuk senarai Pendaftar Nikah dan Penolong Pendaftar Nikah seluruh Malaysia)	
	TIGA MINGGU SEBELUM perkahwinan:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Pastikan pakaian pengantin anda telah siap dan ambil pakaian tersebut jika anda telah berpuashati.	
	Pastikan ada seseorang yang akan menjaga barang-barang anda semasa majlis perkahwinan	

	berlangsung.	
	Bagi pengantin perempuan:	
	Pilih gaya rambut yang anda ingini semasa majlis perkahwinan anda (bagi yang bertudung, pastikan gaya tudung yang akan dikenakan pada majlis perkahwinan anda nanti).	
	TIGA – SATU HARI SEBELUM perkahwinan:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Menghias pelamin, bilik tidur pengantin, membuat sirih junjung dan lain-lain hantaran.	
	Sediakan seterika, papan seterika, cermin, jarum dan benang, bagi memudahkan anda jika berlaku kecemasan.	
	Jika perlu ingatkan tetamu anda tentang majlis perkahwinan anda melalui telefon.	
	Hubungi jurufoto, juruvideo dan lain-lain (kompang, silat dan sebagainya) anda dan minta mereka datang awal pada majlis tersebut.	
	Sediakan (packing) barang-barang yang perlu dibawa ke majlis tersebut. Elakkan melakukannya di saat-saat akhir kerana dikhuatiri ada barang yang tertinggal.	
	Mandi air panas bersama aromaterapi untuk kesegaran badan.	
	Tidur awal dan bersedia untuk menghadapi hari bahagia anda.	
	Bagi pengantin lelaki:	
	Tentukan siapa yang akan menjadi jurucakap bagi rombongan pihak lelaki dan tuan rumah pada majlis pernikahan.	
	Bagi pengantin perempuan:	
	Hubungi hair dresser anda dan minta mereka datang awal pada majlis tersebut.	
	Kenalpasti siapakah yang akan ditugaskan untuk menyambut tetamu pada hari perkahwinan anda. (begitu juga bagi majlis di pihak lelaki)	
	PADA HARI PERNIKAHAN:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Pastikan anda membawa kad pengenalan, gambar, dan apa-apa dokumen yang diperlukan semasa majlis ijab dan kabul.	
	Bagi pengantin lelaki	
	Pastikan anda telah menyediakan wang mas kahwin pada hari pernikahan anda.	
	Pastikan wang hantaran (terutamanya wang tunai) diamankan kepada orang yang boleh dipercayai.	
	Pastikan anda telah menyediakan wang (upah) untuk diberikan kepada tok kadi.	
	Cincin / gelang tangan / rantai.	
	Sirih junjung dan lain-lain hantaran.	
	Pihak lelaki dan pengiring mestilah datang lebih awal sekurang-kurangnya setengah jam daripada	

	waktu yang telah ditetapkan.	
	Pastikan mereka yang menjadi saksi dan wali turut ada pada majlis pernikahan tersebut.	
	Pastikan tok kadi yang akan menikahkan anda, telah diberitahu lebih awal tentang hari pernikahan anda. (Sila klik di sini untuk senarai Kadi seluruh Malaysia)	
	Pada malam majlis pernikahan, majlis persalinan baju (jika perlu) diadakan. Pakaian yang biasa dipakai ialah baju yang menjadi kebanggaan sesebuah negeri seperti baju Sari, Cheongsam, Minangkabau, Jawa, Mendaling dan lain-lain.	
	PADA HARI PERKAHWINAN:	
	Bagi pengantin lelaki dan perempuan:	
	Ambil sarapan seawal tujuh pagi, bagi mengelakkan anda lapar, mengantuk dan tidak bermaya.	
	Jangan takut untuk menghadapi hari bahagia anda. Bertenang dan sentiasa senyum.	
	Pastikan majlis anda berjalan lancar seperti yang telah dirancangkan.	
	Bagi pengantin lelaki:	
	Pastikan anda datang tepat pada masanya atau sekurang-kurangnya sepuluh minit awal dari waktu yang telah ditetapkan	
	Pastikan kesemua hantaran telah dibawa termasuk sirih junjung	
	Bagi pengantin perempuan:	
	Pastikan anda telah bersiap satu setengah jam lebih awal sebelum pengantin lelaki sampai ke rumah anda.	
	TIGA HARI SELEPAS perkahwinan:	
	Melawat keluarga dan sanak saudara kedua-dua pihak.	